

Wan Azizah, Yeoh gesa peruntukan tambahan kepada petugas perubatan

Malaysiakini

20 Mac 2020

Bekas menteri pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat (KPWKM) dan timbalannya, Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Hannah Yeoh menggesa kerajaan supaya menyalurkan peruntukan tambahan buat petugas perubatan yang kini berkhidmat merawat pesakit Covid-19.

Dalam satu kenyataan bersama, mereka menjelaskan bahawa petugas barisan hadapan (frontliner) sedang merisikokan kesihatan dan keselamatan masing-masing bagi memastikan keselamatan rakyat.

Menurut mereka, doktor, jururawat, Polis Diraja Malaysia (PDRM), polis trafik, pegawai imigresen, pegawai kebajikan masyarakat dan pegawai penguatkuasa di peringkat persekutuan, negeri dan daerah wajar dibekalkan dengan peralatan keselamatan seperti topeng muka dan cecair pembasmi kuman atau sanitizer dengan kadar segera

“Kerajaan seharusnya menyediakan peruntukan kewangan tambahan kepada

sektor pekerjaan di barisan hadapan ini dan bukannya menggunakan peruntukan sedia ada agensi terbabit.

“Kita wajar melindungi mereka yang sedang berusaha melindungi kita di rumah,” kata mereka.

Isnin lalu, bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Saifuddin Nasution Ismail turut menggesa kerajaan supaya meneruskan rancangan yang diluluskan kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini dalam menangani kekurangan topeng muka, iaitu dengan membeli semua stok tersedia untuk tujuan eksport.

Setiausaha Agung PKR itu berkata rancangan berkenaan dibuat hasil perbincangan bersama pihak kepentingan pada hari terakhirnya di pejabat tersebut, ketika gelombang pertama penularan wabak Covid-19.

Bekas menteri kewangan Lim Guan Eng juga pada ketika itu telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta buat kerajaan membeli semua stok topeng muka sedia ada.

Saifuddin juga menyeru kerajaan supaya mengutamakan pemberian topeng muka tersebut kepada pegawai imigresen, kakitangan penerbangan dan

perubatan.

Sehingga semalam, Malaysia telah merekodkan 110 kes positif Covid-19 dan menjadikan kes keseluruhan sebanyak 900.

Dalam 110 kes terbaru, 63 telah dikesan terlibat dengan kes kluster perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Feb hingga 1 Mac lalu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/515680>